



KHAZANAH  
NASIONAL

## SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 20 Januari 2014

### **Khazanah mengumumkan penambahan dan perubahan pada Barisan Kepimpinan Kanan**

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) hari ini mengumumkan beberapa penambahan dan perubahan kepada Barisan Kepimpinan Kanannya (“SLT”), iaitu:

1. Datuk Ganen Sarvananthan, Pengarah Eksekutif dan Ketua Bahagian Pelaburan akan meninggalkan Khazanah apabila kontrak pekerjaan beliau tamat pada tahun ini. Datuk Ganen akan menyertai firma pelaburan global TPG Capital sebagai Rakan Kongsi dan Pengarah Urusan Bahagian Perniagaan Asia firma tersebut, pada 30 April 2014.
2. Dominic Silva, Pengarah Eksekutif Bahagian Pelaburan akan dilantik sebagai Ketua Bahagian Pelaburan berkuatkuasa 1 Februari 2014.
3. Zaida Khalida Shaari, Pengarah Bahagian Pelaburan akan dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Eksekutif Bahagian Pelaburan berkuatkuasa 1 Februari 2014.
4. Ahmad Zulqarnain Onn akan menyertai Khazanah pada 1 Mei 2014 sebagai Pengarah Eksekutif Bahagian Pelaburan. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, Danajamin Nasional Berhad.

Kesemua perubahan dan pelantikan yang dinyatakan ini adalah sebahagian daripada usaha pengukuhan berterusan dan berkala barisan kepimpinan kanan Khazanah. Perubahan ini berikutan perubahan yang berlaku pada tahun lepas yang menyaksikan Dr Nungsari Ahmad Radhi, Pengarah Eksekutif dan Ketua Bahagian Penyelidikan dan Strategi Pelaburan Khazanah dilantik sebagai Pengarah Urusan, Prokhas Sdn. Bhd, sebuah unit di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan, pada 1 September 2013, dan pelantikan Dato’ Charon Wardini Mokhzani sebagai Pengarah Eksekutif Khazanah dan Pengarah Urusan Institut Penyelidikan Khazanah (“KRiS”) pada 6 November 2013. KRiS telah mula beroperasi pada 1 Januari 2014.

Datuk Ganen menyertai Khazanah pada Oktober 2004 sebagai Pengarah, Bahagian Pelaburan dan telah berkhidmat lebih daripada sembilan tahun, termasuk dalam peranan yang dimainkan beliau sekarang.

Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Dato’ Azman Hj. Mokhtar berkata: "Ganen telah memainkan peranan penting dalam pembangunan Khazanah sebagai sebuah firma dan institusi. Rakan sekerja, rakan-rakan dan rakan kongsi perniagaan serta syarikat-syarikat pelaburan kami boleh memperakui sumbangan beliau yang menjangkau kerja berkaitan pelaburan; sebagai anggota penting bagi barisan kepimpinan kanan dan dalam menyokong pelbagai inisiatif dan pembangunan nasional merentasi spektrum mandat Khazanah yang luas."



KHAZANAH  
NASIONAL

"Pada tahun kesepuluh beliau bersama Khazanah, kami amat menghargai pengorbanan Ganen kerana telah menumpukan sebahagian besar tempoh kerjaya beliau setakat ini bersama kami dan bagi pihak Khazanah, kami mengucapkan penghargaan dan semoga beliau berjaya apabila menyambung semula kerjaya di peringkat antarabangsa dalam jawatan kanan dengan salah sebuah firma ekuiti persendirian yang terkenal di dunia," katanya.

Dominic menyertai Khazanah pada Ogos 2008 sebagai Pengarah, Bahagian Pelaburan dan dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Pelaburan pada Mei 2010. Beliau kini bertanggungjawab atas sektor Institusi Kewangan dan Kreatif & Media; pelaburan di rantau India dan juga Unit Pemantauan dan Pengurusan Pelaburan ("IMMU"). Beliau adalah ahli Lembaga Pengarah CIMB Bank (Malaysia) Bhd, PT Bank CIMB Niaga, IDFC Ltd (India) dan Pinewood Iskandar Malaysia Studios Sdn. Bhd, antara lain. Sebelum menyertai Khazanah, Dominic berkhidmat selama 18 tahun dalam sektor perbankan antarabangsa.

Zaida Khalida Shaari kini memegang jawatan Pengarah, Bahagian Pelaburan di Khazanah. Beliau menyertai Khazanah pada Januari 2007 sebagai Naib Presiden Kanan. Zaida telah memainkan peranan penting dalam pelaburan bersama Khazanah di Singapura serta beberapa usaha niaga dengan rakan-rakan kongsi asing dan domestik di Iskandar. Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa syarikat pelaburan berkaitan Iskandar Malaysia dan Riadah & Pelancongan. Sebelum menyertai Khazanah, Zaida berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat dan Ketua Perundangan di Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Beliau merupakan Peguambela dan Peguamcara bertauliah.

Ahmad Zulqarnain kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, Danajamin Nasional Berhad ("Danajamin"). Beliau mempunyai lebih daripada 18 tahun pengalaman dalam perbankan dan korporat, Antara lainnya, ketika berkhidmat di UBS Warburg, Danaharta, CIMB dan kumpulan Symphony. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Ekonomi dari Harvard University.

Perubahan dan penambahan kepada barisan kepimpinan kanan ini selaras dengan usaha berterusan Khazanah untuk membina sebuah institusi yang kukuh, salah satu tumpuan utama Khazanah ketika ia memasuki tahun kesepuluh program transformasi. Dengan penambahan dan perubahan ini, Barisan Kepimpinan Kanan Khazanah yang diketuai oleh Pengarah Urusan akan bertambah daripada 15 orang pada masa ini kepada 16 orang.

## **Tamat**

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Mobd Asuki Abas di talian +603 2034 0000 atau melalui e-mel di [asuki.abas@kazanah.com.my](mailto:asuki.abas@kazanah.com.my)*



KHAZANAH  
NASIONAL

### **Tentang Khazanah Nasional Berhad**

Khazanah Nasional Berhad adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan menguruskan aset komersil Kerajaan dan menjalankan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti tenaga, telekomunikasi, perbankan, penjagaan kesihatan, pengurusan lapangan terbang, prasarana, riadah & pelancongan, pembangunan hartanah, penyiaran, pegangan pelaburan serta teknologi. Antara syarikat tersenarai utama di bawah portfolio pelaburan Khazanah adalah Telekom Malaysia Bhd., Tenaga Nasional Bhd., CIMB Group, Axiata Group Bhd., IHH Healthcare Bhd., Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd.